

KERATAN AKHBAR

NAMA : UTUSAN MALAYSIA (Dalam Negeri)

TARIKH: 10 FEBRUARI 2018 M/S: 4

Algeria pelawa syarikat Malaysia

KUALA LUMPUR 9 Feb. - Algeria berminat melaksanakan program perumahan mampu milik yang dilaksanakan Malaysia bagi membantu rakyat berpendapatan rendah terutama di bandar memiliki rumah.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, sehubungan itu Algeria mempelawa syarikat-syarikat Malaysia untuk membuat pelaburan dalam projek tersebut.

Menurutnya, perkara itu dinyatakan ketika beliau menerima kunjungan hormat Menteri Perumahan, Perancangan Bandar dan Bandar Algeria, Abdelwahid Temmara sempena Forum Bandar Sedunia Ke-9 (WUF9) di sini, hari ini.

“Mereka mempunyai banyak tanah untuk dilaksanakan pembangunan perumahan,” katanya kepada

pemberita.

Noh turut menerima kunjungan hormat Penolong Setiausaha Perancangan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Perumahan dan Pembangunan Bandar Amerika Syarikat, Neal Rackleff.

Katanya, mereka berbincang mengenai kaedah pembangunan semula rumah-rumah lama bagi keselesaan penduduk.

WUF9 yang bermula 7 Februari lalu hingga Selasa depan merupakan kali kedua diadakan di Asia dan diisi dengan lebih 500 acara termasuk perhimpunan, perbincangan meja bulat peringkat tinggi, dialog serta sesi khas.

Bertemakan 'Bandar Raya 2030, Bandar Raya untuk Semua: Melaksanakan Agenda Perbandaran Baharu (NUA), WUF9 akan menumpukan kepada pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu. - BERNAMA